Padankan pernyataan dibawah dengan penerangan yang betul.

**Tajuk:** Bakul serba guna

**A. Tajuk projek**
1. Apakah jenis produk atau perkhidmatan?
2. Apakah kegunaan produk ini?
3. Di manakah produk ini akan digunakan?

**B. Gambaran keseluruhan projek**
1. Siapakah yang akan menggunakannya?
2. Apakah tujuan produk ini dihasilkan?
3. Adakah produk ini diperlukan oleh pelanggan?
4. Bagaimanakah produk ini digunakan dan dipersembahkan?

**C. Reka bentuk produk**
1. Apakah elemen dan prinsip reka bentuk yang akan digunakan?
2. Apakah kriteria reka bentuk yang ingin diterapkan?
3. Adakah produk ini inovasi daripada produk sedia ada atau produk yang baharu dibangunkan?

**D. Perancangan dalam pengurusan projek**
1. Pembahagian kumpulan kerja
2. Jadual kerja
3. Kos pengeluaran
4. Kuantiti penghasilan

**E. Analisis kajian reka bentuk produk dan pasaran**
1. Membuat perbandingan dari segi fungsi, persembahan, tujuan pasaran, kuantiti, kualiti, kos, dan jangka masa.
2. Adakah produk ini akan mendapat permintaan di pasaran?

**F. Lakaran idea**
1. Bagaimanakah rupa bentuk produk dalam bentuk 2 dimensi (2D) dan 3 dimensi (3D)?

**G. Penghasilan *mock-up***
1. Bahan dan peralatan yang diperlukan untuk menghasilkan *mock-up*.

---

1. Sasaran utama ialah suri rumah. Namun boleh digunakan oleh pengguna lain.
2. Memudahkan pengguna membawa barangan atau sebagai tempat bekas simpanan.
3. Ya, amat diperlukan.
4. Dipersembahkan dalam pelbagai warna.

---

1. Elemen yang akan digunakan ialah saiz, warna, dan bentuk. Prinsip yang digunakan ialah keseimbangan dan pengulangan.
2. Kriteria yang ingin diterapkan ialah fungsi yang pelbagai.
3. Inovasi yang terdapat pada produk ini ialah pelaras saiz bakul.

---

1. Jadual perbandingan

| | |
|---|---|
|  |  |
| • Menggunakan bahan kain<br>• Bertukar berat jika basah<br>• Kos pembuatan lebih tinggi | • Menggunakan plastik<br>• Ringan<br>• Kos pembuatan rendah |

2. Sudah pasti kerana produk ini mempunyai rekaan yang berinovasi dan sesuai dengan fungsinya.

---

1. Lakaran produk menggunakan lakaran isometrik yang mempamerkan 3 bahagian pandangan dalam bentuk 3D. Lakaran unjuran ortografik mempamerkan pandangan 2D.

---

1. Menggunakan kertas *mounting board*, gam perekat panas, penyedut minuman, pembaris, gunting, pisau pemotong, *cutter*, dan sebagainya.

---

1. Bakul serba guna.
2. Membawa barangan bersaiz sederhana. Boleh digunakan sebagai bekas simpanan barangan.
3. Di rumah atau di tempat yang sesuai.

LIVEWORKSHEETS